

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM**

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTIJEN UTeM SUKUM SABAH
2024**




اوپیوسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
7 Ogos 2024 / 9.00 pagi
Lobi Canselor, Aras 2**

Terima kasih pengacara majlis
Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran



1. Terlebih dahulu marilah kita bersama -sama mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya kita dapat bersama - sama pada pagi ini berkumpul dalam **Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen**

UTeM SUKUM Sabah 2024.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

2. Seperti yang semua sedia maklum, Sukan Staf se-Malaysia diadakan setiap 2 tahun sekali melibatkan penyertaan semua atlet awam di seluruh Malaysia. **Pada 2 tahun lepas SUKUM diadakan di UPM** manakala pada tahun ini ianya diadakan di UMS Sabah. **Kali terakhir SUKUM diadakan di UTeM adalah pada tahun 2003** dimana UTeM memenangi pingat emas dalam acara bola jaring. Selepas 21 tahun SUKUM kembali semula dianjurkan di UMS Sabah. Besar harapan pada kali ini UTeM akan dapat mencapai pencapaian yang cemerlang pada kejohanan ini.

3. UTeM sangat mengambil berat akan penyertaan staf dalam sukan ini. Seperti yang semua sedia maklum, **kos keseluruhan SUKUM Sabah kali ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM215,315.00**. Ianya merupakan satu kos yang sangat besar. Walaubagaimanapun mengambil kira semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh atlit-atlit staf UTeM, pengurusan meluluskan penyertaan tersebut dan mengharapkan hasil pulangan yang terbaik dari segi pencapaian staf di sukan tersebut. Tidak lupa juga, pihak **BAKUTeM turut menyumbang sebanyak RM 16,500.00** bagi menampung kos penginapan staf dalam kejohanan kali ini.

4. Saya berharap semua atlet staf yang bakal berjuang dalam SUKUM kali ini dapat **memberikan pencapaian terbaik** bagi menunjukkan atlet staf UTeM amat berdaya saing dan mampu menyumbang sebanyak mungkin pingat dalam acara yang disertai. Jika boleh semua sukan dapat menyumbang pingat dalam edisi SUKUM kali ini. Jika pada **SUKUM UPM 2022 kita berjaya memperolehi 2 emas, 4 perak dan 8 gangsa** diharap pada edisi kali ini kita akan dapat mengatasi pencapaian tersebut.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

5. Seperti yang kita sedia maklum, tahun 2023 banyak menyaksikan pencapaian cemerlang atlet UTeM staf dalam

bidang sukan. Selain dari pelajar staf UTeM juga merekodkan pencapaian yang membanggakan. Suka saya kongsikan di sini kepada tuan – puan mengenai pencapaian atlet staf UTeM pada tahun 2023:

Bagi Pencapaian Staf di Peringkat Antarabangsa:

Zarlizan bin Zakaria (Staf) – Mewakili Malaysia dalam sukan Sepaktakraw Chinlone di Sukan SEA Cambodia

Muhammad Afiz bin Ahmad (staf) – Pasukan Teknikal Malaysia Rugby di Kejohanan Asia Rugby Championship 2023.

Bagi Pencapaian Staf di Peringkat Kebangsaan :

6. Seramai **14 orang atlet UTeM terpilih mewakili Melaka dalam kejohanan MAKSAK sepanjang tahun 2023** dalam pelbagai acara sukan dan seramai 2 orang staf UTeM terlibat sebagai pasukan teknikal negeri Melaka & Kuala Lumpur dalam Kejohanan Ragbi Piala Agong 2023.

Pencapaian Staf di Kejohanan Utama

7. Untuk tahun 2023 pasukan sukan dan atlet staf juga menyertai kejohanan utama untuk staf. Antara sukan yang mencapai kejayaan ialah sukan **lawn bowls dalam SUKANUN (1 Gangsa – Lawn Bowls Lelaki), sukan Treasure Hunt dalam Kejohanan Treasure Hunt Badan Berkanun 2023 (1**

(Perak & 1 Gangsa), Kejohanan Golf IPTA juga mencapai tempat ke 11 dari 30 pasukan (rekod tertinggi pencapaian dalam sejarah penyertaan kejohanan).

Hadirin sekalian,

8. Pihak pengurusan turut memandang serius berkenaan dengan **pemerkasaan sukan di UTeM.** Antara inisiatif yang menjadi keutamaan adalah **pembangunan infrastruktur sukan seperti Kompeks Pusat Sukan UTeM yang telah menjalani proses naik taraf.** Antara proses – proses naik taraf adalah penukaran parkir dewan sukan kepada permukaan rubberized, penukaran lampu dewan sukan ke arah pencahayaan yang lebih baik, naik taraf Stadium UTeM ,

re-surface gelanggang tennis dan lain – lain lagi. Ini semua untuk menyokong pembangunan sukan di UTeM.

9. Pihak BAKUTeM juga membantu pembangunan sukan staf dengan menyumbang kepada penganjuran SUTAF dan penyertaan kejohanan utama. Walaupun jumlah ini kedengaran seperti jumlah yang sederhana ianya dapat membantu meringankan perlaksanaan pembangunan sukan staf di UTeM. Terima kasih diucapkan atas sokongan BAKUTeM diatas bantuan pembangunan sukan staf semenjak zaman KUTKM/UTeM sehingga sekarang.

10. Selain itu, UTeM juga memberi **Insentif kepada atlet yang mengharumkan nama UTeM di peringkat antarabangsa** dan juga msebagai satu tanda penghargaan dan pengiktirafan UTeM kepada atlet terbabit. Ini sebagai salah satu pembakar semangat kepada staf untuk lebih berjaya pada masa akan datang.

11. Saya mewakili Pengurusan Universiti mempunyai harapan yang besar dan tinggi agar SUKUM kali ini akan **menghasilkan lebih kejayaan kepada UTeM**. Ianya akan memberi impak yang besar dan mengharumkan nama UTeM. Saya juga berharap semua atlet dapat **menjaga nama baik UTeM** dalam kejohanan kali ini. Kita tidak mahu timbul

sebarang insiden yang boleh memburukkan nama UTeM yang kita sayangi ini. Ingatlah bahawa anda semua adalah duta – duta kecil UTeM dalam bidang sukan.

12. Saya ingin memetik kata – kata dari seorang bekas Juara Pecut Olimpik Usain Bolt **“The sky has no limits neither should u”** bermaksud langit adalah tiada batasan dan begitulah kita dalam mencapai pencapaian cemerlang dalam bidang sukan
- اوینیورسیتی تیکنیکل ملیسیا مالاک
13. Akhir sekali lagi saya mengucapkan selamat berjuang dan pulang membawa sebanyak mungkin pingat emas untuk

UTeM. Anda semua adalah juara yang sebenar pada hati saya. Tahniah dan selamat berjuang.

Sekian,

Wabillahhitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahhiwabarakatuh



اوپیزه سیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA